

BAYAN PULING
Blue-rumped Parrot

FAMILI: Psittacidae
NAMA SAINTIFIK: *Psittinus cyanurus*



CIRI-CIRI: Individu jantan bagi spesies ini hampir menyerupai spesies Bayan Serindit, *Loriculus galgalus*, tetapi hampir keseluruhan bahagian kepala berwarna biru kekelabuan serta bahagian atas belakang badan berwarna hitam. Bahagian belakang ke bahagian atas pangkal ekor berwarna biru keunguan gelap manakala bahagian hujung sayap berwarna hijau kekuningan. Individu ini mempunyai bahagian dada dan sisi badan yang berwarna kelabu pudar ke warna hijau kecoklatan. Pada bahagian dalam sayap terdapat tompokan berwarna merah manakala bahagian paruh berwarna merah serta hitam pada bahagian bawahnya. Semasa terbang kelihatan warna hitam pada bahagian bawah sayap dan merah pada bahagian pangkal sayap. Individu betina dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian kepala yang berwarna coklat di mana bahagian sisinya adalah pudar serta bahagian rengkong berwarna kuning. Pada bahagian ini terdapat jalur berwarna coklat gelap. Bahagian atas badan ke bahagian belakang berwarna biru manakala bahagian dada, sisi badan dan perut berwarna hijau. Individu ini tidak mempunyai warna merah pada bahagian dalam sayap manakala bahagian paruh berwarna coklat gelap. Bagi individu juvenil pula, ia menyerupai individu betina dewasa tetapi bahagian atas dan sisi kepala berwarna berwarna hijau. Pada bahagian dalam sayap tidak terdapat warna merah.

SAIZ: Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 18.5 -19.5 sm.

MAKANAN: Buah-buahan, bijian, tunas tumbuhan, nektar dan bunga.

HABITAT: Spesies ini dijumpai di kawasan hutan dipterokap yang terbuka, kawasan pertanian dan kadangkala dijumpai di kawasan hutan paya bakau, pada ketinggian sehingga ke 700 m. Kadangkala dijumpai di kawasan berketinggian sehingga ke 1,300 m dari aras laut.

BUNYI: Burung ini mengeluarkan bunyi *chi chi chi* dan *chew-ee* yang tajam dengan nada yang tinggi.

TABIAT: Kebiasaannya spesies ini mencari makanan sendirian.

PEMBIAKAN : Musim membiak pada bulan Mei hingga Jun. Sarang dibina di atas pokok pada ketinggian kira-kira 30 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1-3 biji berwarna putih, berukuran di antara 23.1-26.5 X 20.3-21.3 mm.

STATUS: Akta 76/72, dilindungi. IUCN, hampir terancam.